

NO SOALAN : 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
(LIBARAN)**

**TARIKH : 26.07.17
(RABU)**

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian dan langkah Malaysia dalam menangani hubungan pelbagai hala bagi negara Teluk terutama insiden negara Qatar yang dilihat ada situasi ketegangan dan ancaman melalui percaturan yang dilakukan secara terancang oleh pihak yang ingin menguasai geopolitik.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia sentiasa memandang serius bagi mana-mana konflik yang berlaku antara negara yang mempunyai hubungan diplomatik dan perdagangan dengan Malaysia. Kerajaan mengharapkan penyelesaian segera dan menyokong sebarang usaha damai bagi menyelesaikan kemelut ini.